

Pahang keluar amaran banjir tiga hari lebih awal, cuti penjawat awam dibeku

KUANTAN - Kerajaan Pahang akan mengeluarkan amaran banjir tiga hari lebih awal sebelum bencana itu diramal berlaku bagi membolehkan penduduk membuat persiapan sewajarnya untuk berpindah.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail (**gambar**) berkata, perkara itu dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi dan Jabatan Pengairan dan Saliran negeri menggunakan teknologi moden yang boleh memberi ramalan agak tepat berhubung bencana alam itu.

"Jabatan Meteorologi akan menasihatkan dan kita boleh jangka berapa lama masa yang diperlukan untuk air naik dan sam-



KERATAN *Kosmo!* 11 Januari 2014.



pai ke kawasan tertentu. Jadi kita boleh memberi amaran kepada penduduk kawasan itu dan sekitarnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang kali ketiga di Pusat Transformasi Bandar di sini semalam.

Muhammad Safian memberitahu,

kerajaan negeri menjangkakan banjir tahun ini tidak seteruk tahun lalu dan hujan di kawasan pesisiran pantai seperti Kuantan, Pekan dan Rompin dijangka bermula Disember manakala daerah lain akan mula mengalami hujan pada Januari tahun depan.

Berhubung persiapan banjir katanya, operasi penghantaran makanan ke semua 105 pangkalan hadapan telah siap dilakukan dan jumlah keseluruhan pusat pemindahan banjir di Pahang ialah 657 yang boleh memuatkan 140,000 mangsa.

"Seramai 10,300 penjawat awam termasuk 5,100 orang yang terlibat secara langsung dalam operasi memindah dan menyelamatkan kini diletak dalam keadaan berjaga-jaga dan cuti mereka dibekukan mulai 15 November hingga 15 Januari depan," ujarnya. - Bernama